

22 JUN 2001

Hadi-Negara Islam

HADI KATA MALAYSIA BUKAN NEGARA ISLAM

KUALA TERENGGANU, 22 Jun (Bernama) -- Timbalan Presiden PAS, Abdul Hadi Awang berkata hari ini Malaysia bukanlah sebuah negara Islam sebaliknya ialah sebuah negara yang majoriti penduduknya orang Islam.

Beliau berkata negara Islam ialah sebuah negara yang mendaulkan syariat Islam dengan menjadikan Al-Quran dan Sunnah sebagai hukum yang tertinggi.

Sebaliknya di Malaysia masih banyak undang-undang yang bercanggah dengan Islam, kata Abdul Hadi yang juga Menteri Besar Terengganu kepada pemberita sebagai mengulas persoalan yang dibangkitkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Umno di Kuala Lumpur semalam.

Abdul Hadi berkata Nabi Muhammad telah memberi model sebuah negara Islam terbaik apabila menjadikan Madinah sebagai negara Islam pertama dengan menjadikan Al-Quran dan Sunnah sebagai sumber rujukan tertinggi.

Katanya, beliau yakin Malaysia boleh menjadi negara Islam walaupun ia merupakan negara majmuk.

Abdul Hadi juga berkata sekiranya PAS memerintah Malaysia parti itu akan menukar peranan Mahkamah Sivil kepada Mahkamah Syariah dan penduduk bukan Islam dibenarkan menubuhkan mahkamah mereka sendiri.

Katanya PAS sentiasa mengadakan perbincangan dengan orang bukan Islam secara akademik dan politik berhubung cadangan PAS untuk melaksanakan undang-undang Islam dan memberi kebebasan kepada orang bukan Islam untuk melaksanakan undang-undang mereka.

Mengenai perjuangan PAS mengangkat martabat orang Melayu dan Islam, Abdul Hadi berkata PAS menganggap orang Melayu dan Islam saling berkaitan apabila kejayaan orang Melayu itu saling bergantung kepada kejayaan Islam.

"Kita menegakkan Islam di kalangan orang Melayu supaya orang Melayu bergantung kepada Islam. Kalau Islam tegak orang Melayu juga boleh tegak bersama dengan Islam," katanya.

-- BERNAMA

MRA NMO